

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

- Jawatan : Pereka
- Gred Jawatan : B5
- Kumpulan : Pelaksana
- Perkhidmatan
- Klasifikasi : Bakat dan Seni
- Perkhidmatan
- Jadual Gaji : RM1,650.00 – RM6,620.00
- Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - i. mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
 - iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
 - iv. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,731.00); atau
 - v. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,812.00); atau
 - vi. Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

SYARAT KELAYAKAN PELANTIKAN KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- Taraf Jawatan : **KONTRAK**
- Fungsi Bidang Tugas : **1) ASAS KELAYAKAN AKADEMIK CALON**

Kelayakan akademik bagi calon mestilah memiliki Diploma dalam salah satu bidang berikut (diiktiraf Kerajaan):

- Reka Grafik
- Seni Reka Visual
- Multimedia
- Komunikasi Visual
- Reka Bentuk (Design) atau bidang berkaitan.

2) SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Skop tugas dan tanggungjawab calon bagi gred B5. Keutamaan (nilai tambah) calon adalah seperti berikut:

- Berkemahiran mengendalikan dan mengelola operasi dron bagi tujuan dokumentasi, video visual termasuk pematuhan aspek keselamatan dan peraturan penerbangan dron termasuk perancangan penerbangan, kawalan kamera, penyuntingan rakaman serta pematuhan peraturan *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*.
- Bertindak sebagai *content creator* kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kreatif tetapi patuh garis panduan (branding, pekeliling, etika perkhidmatan awam);
- Boleh mengendalikan *podcast* terbitan Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- Mahir perisian reka bentuk *Adobe Illustrator, Photoshop, InDesign, Premiere Pro, After Effects, motion graphic* dan animasi ringkas;
- Bertanggungjawab mencipta dan menjalankan kerja-kerja reka bentuk, penerbitan, multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen KUSKOP/SKM/Agensi/Koperasi yang berkaitan dengan seni/visual dalam usaha memasarkan maklumat dan dasar-dasar kepada orang awam;
- Bertanggungjawab mengendalikan akaun media sosial rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- Berkemahiran mengendalikan *copywriting* dalam dwibahasa;
- Bertanggungjawab membantu dalam aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan program Jabatan, program kemasyarakatan, penerbitan dan publisiti;
- Mampu bekerja pantas di bawah tekanan dan mengikut keutamaan jabatan;
- Boleh bekerja secara berpasukan atau sendiri;
- Menyokong komunikasi strategik kerajaan melalui visual berimpak tinggi;
- Menambah kecekapan penyampaian maklumat awam;
- Menjimatkan kos agensi melalui reka bentuk dalaman (*in-house*); dan
- Boleh dilatih ke arah pakar visual/penerbitan digital agensi.

Tarikh Tutup : **20 MAC 2026 (JUMAAT)**
Permohonan